

# 'Kerajaan tidak bertujuan paksa majikan2 ikut tangga gajinya'

KUALA LUMPUR, Sabtu-Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan, Kerajaan tidak berhasrat m e n g g u n a k a n tekanan kepada ma-

jikan-majikan swasta melaksanakan tangga gaji sejajar dengan tangga gaji awam.

Katanya, kerajaan berpendapat, majikan-majikan itu lebih memahami keadaan pekerja dan kekukuhan

pertubuhan masing-masing.

Dalam perkara ini, katanya, pekerja yang terlibat, samaada yang mempunyai kesatuan atau tidak, mesti membuat tuntutan yang sejajar dengan kekukuhan syarikat tempat mereka berkerja.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Tahunan Majlis Kewangan Negara di sini sebagai mengulas keputusan Persekutuan Majikan Malaysia yang menolak pelaksanaan tangga gaji sejajar dengan tangga gaji awam.

Beliau berharap masalah tangga gaji baru di sektor swasta akan diselesaikan dengan cara rundingan antara pekerja dan majikan.

Semalam, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho, berkata perjanjian bersama yang ditandatangani antara majikan dan pekerja mesti dihormati.

Katanya, sebarang rundingan semula kelak mestilah dipersetujui kedua pihak.

Datuk Ho berharap keharmonian terus terjalin antara majikan dan pekerja bagi memastikan kemajuan perindustrian di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia